

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5/10/2011

Pasaran AS, Eropah tidak terjamin

Perlu segera cari pasaran baharu



Oleh **AZMAN IBRAHIM**
bisnes.utusan@gmail.com

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Malaysia perlu segera mencari pasaran baharu yang lebih terjamin tanpa terlalu bergantung kepada pasaran Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pasaran dua kuasa ekonomi dunia itu tidak memberi sebarang jaminan kecuali mendatangkan impak

negatif sekiranya negara-negara itu mengalami bankrap.

Katanya, Malaysia tidak perlu bergantung kepada kedua-dua benua yang tidak lagi mempunyai wang untuk membeli barang selain berdepan mengalami krisis kewangan yang berpanjangan.

Setakat ini, kata Dr. Mahathir, 20 peratus perdagangan Malaysia adalah dengan AS manakala 20 peratus lagi dengan Eropah dan angka-angka berkenaan masih tinggi.

"Kita tidak perlu mengurangkannya sehingga sifar, tetapi perlu segera mencari pasaran baharu yang

berpotensi.

"Salah satu pasaran baharu yang dilihat berpotensi dan mampu menyediakan pasaran yang baik adalah Turki. Turki berada di tengah-tengah pasaran dunia iaitu di antara barat dan timur, kita perlu ke sana," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ceramah pada Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIF) 2011 di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Malayan Banking Bhd. (Maybank), Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Mahathir berkata, Malaysia pada waktu ini dilihat sudah memper-

tingkatkan hubungan dagangan dengan China yang menunjukkan perkembangan positif.

Katanya, selain Turki, sekitar rantau Asia turut menjanjikan pasaran dagangan yang baik.

Ditanya permintaan supaya sistem kewangan Islam berkonsep musyarakah (perkongsi keuntungan) diamalkan sepenuhnya di negara ini, Mahathir menjawab, ia terpujang kepada kerajaan untuk melaksanakankannya.

"Jika kerajaan mahu melaksanakan musyarakah, ia boleh dilakukan sekarang," tambah beliau.

Bila melabur saham jadi tidak realistik

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata adalah tidak realistik untuk melabur dalam pasaran saham dengan berharap harganya akan meningkat.

Malah, tindakan itu tidak menyumbang kepada ekonomi negara, kata beliau.

Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut ucapan beliau mengenai pelaburan saham yang tidak realistik pada

majlis pelancaran Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIF) 2011 di sini hari ini.

Beliau menyifatkan pelaburan dalam pasaran saham semasa sebagai tidak realistik dan umpama memperjudikan nasib.

Katanya, pelaburan dalam saham-saham yang tidak menentu untung atau rugi tidak menyumbang secara langsung kepada ekonomi negara.

Malah, katanya, pelaburan jenis itu hanya untuk mereka yang ingin wang

melalui jualan singkat (short selling).

"Saya fikir jika anda melabur dalam pasaran saham kerana saham sesebuah syarikat membuat untung dan anda menjangkakan mendapat keuntungan daripada dividen, itu adalah realistik.

"Tetapi apabila anda melabur dalam pasaran saham dengan berharap harga saham meningkat naik, ia tidak akan menyumbang terhadap ekonomi," jelas beliau.

Beliau juga berkata, Eropah kini

turut menyatakan mereka menentang penjualan singkat kerana ia bukan satu perniagaan yang menyumbang kepada ekonomi.

Ketika ditanya tentang pakatan rakyat yang mengumumkan belanjawannya sendiri hari ini, Mahathir menjawab, ia menyenangkan lagi kerja kerajaan.

"Senang... bila mereka mahu belanja duit yang kita tidak ada. Kita tidak boleh kawal, kita pun senang belanja," tambah beliau.